


Alkitab untuk Anak-anak  
memperkenalkan



Dari  
Penganiaya  
Menjadi  
Pengkhotbah



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest

Alastair Paterson

Disadur oleh: Ruth Klassen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children

[www.M1914.org](http://www.M1914.org)

BFC

PO Box 3


Winnipeg, MB R3C 2G1

Canada


©2020 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau  
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.





Tuhan melakukan  
perbuatan-perbuatan  
yang besar melalui  
umatNya bila gereja  
mula dibina.



Seorang lelaki,  
bernama Filipus sangat  
sibuk menceritakan  
kepada orang ramai di bandar  
mengenai Yesus. Tetapi  
Tuhan menghantarnya  
ke padang gurun.  
Mengapa?





Tuhan mengetahui ada seorang Pengawai Tinggi di bawah pemerintahan Ratu Kandake dari Etiopia yang dalam perjalanan di padang gurun. Dia adalah dalam perjalanan pulang dan sedang membaca sebuah Buku yang istimewa.

Bolehkah anda meneka tajuk buku itu?




Apabila  
Filipus  
mentaati  
Tuhan,  
Tuhan  
memimpin  
dia terus  
kepada pengawai  
tersebut yang sedang  
membaca Firman Tuhan tanpa  
memahami ertinya. Dia mengajak  
Filipus duduk bersamanya.



“Apakah artinya ini?” Pengawai itu bertanya kepada Filipus. Sepanjang perjalanan di padang gurun, Filipus mula menerangkan erti Firman Tuhan dan mengajar tentang Yesus kepadanya.





Dengan segera pengawai itu mempercayai firman Alkitab, bahawa Yesus Kristus adalah Anak Allah. Sampai di sebuah tempat yang berair, dia berkata, "Apakah halangannya jika saya dibaptiskan?"




Kemudian Filipus berkata, "Jika tuan percaya dengan segenap hati, tiada halangan." Pengawai itu menjawab, "Aku percaya, bahawa Yesus Kristus adalah Anak Allah." Kemudian Filipus membawa dia ke air dan membaptiskan dia.





Apabila mereka keluar dari air, Roh Tuhan terus membawa Filipus dari situ. Pengawai itu tidak dapat melihat dia lagi lalu meneruskan perjalanannya dengan sukacita!




Tetapi setengah orang membenci orang-orang Kristen. Stefanus, salah satu teman Filipus, dibunuh oleh orang-orang yang marah yang tidak mahu dia menceritakan tentang Yesus. Seorang lelaki bernama Saulus dari Tarsus membantu untuk membunuh Stefanus.



Saulus, dengan hati yang berkobar-kobar untuk mengancam dan membunuh orang-orang Kristen, pergi kepada Imam Besar dan meminta surat kuasa darinya untuk menahan sesiapa yang mengikuti Yesus.






Saulus dari Tarsus yang malang! Dia tidak tahu bahwa saat dia meyakiti umat Tuhan, dia menyakiti Tuhan Yesus sendiri. Tuhan harus menghentikan Saulus. Tetapi bagaimana?



Tuhan "menahan" Saulus!  
Semasa Saulus dalam  
perjalanan ke kota  
Damsyik, tiba-tiba cahaya  
terang dari Syurga  
menyinari Saulus. Saulus  
jatuh ke tanah. Kemudian  
terdengarlahnya satu  
Suara.





“Siapakah  
Engkau  
Tuhan?” Saulus

bertanya. “Akulah Yesus yang kau aniaya.”  
Dengan gementar dan kehairanan, Saulus  
menjawab, “Tuhan, apa yang Engkau ingin  
untuk aku lakukan?” Dan Tuhan berkata  
kepadanya, “Bangunlah dan masuklah ke  
bandar, di sana akan dikatakan kepadamu,  
apa yang harus kau lakukan.”



Orang-orang yang  
bersama Saulus juga  
mendengar Suara itu,  
tetapi tidak dapat  
melihat sesiapaupun.  
Saulus bangun dari  
tanah - dan  
mendapati  
dirinya  
menjadi  
buta!  
Mereka  
memimpin  
dia masuk  
ke Damsyik.




Di dalam kota, selama tiga hari Saulus tidak dapat melihat dan juga tidak makan dan minum.

Mungkin dia menggunakan waktunya untuk berdoa kepada Tuhan Yesus.






Tuhan yang merancang kesemuanya. Di Damysik ada seorang murid bernama Ananias. Tuhan menghantarnya untuk menolong Saulus. Ananias merasa takut. Tetapi dia mentaati Tuhan. Saat dia meletakkan tangannya di atas Saulus, kebutaannya disembuhkan dan Saulus dipenuhi dengan Roh Kudus.




Saulus dibaptis dan diberi makanan. Setelah dia makan, pulihlah kekuatannya. Dia memerlukan kekuatannya. Dia perlu melakukan sesuatu yang sangat penting.




Dengan segera Saul  
berkhotbah tentang  
Kristus di rumah-rumah  
ibadah, dengan mengatakan  
bahawa Dia adalah  
Anak Allah.




Kemudian mereka yang mendengar kata-kata Saulus menjadi hairan, dan berkata, "Bukankan dia yang ingin membinasakan orang-orang Kristen?" Dan beberapa rancangan dibuat untuk membunuh Saulus.





Mereka menjaga gerbang kota untuk membunuh Saulus jika dia cuba meninggalkan bandar. Tetapi teman-teman baru Saulus, orang-orang Kristen menurunkannya dari atas tembok dalam sebuah keranjang yang besar.






Sejak saat itu, Saulus  
si penganiaya orang  
Kristen hidup sebagai  
pengikut yang beriman  
kepada Tuannya yang  
baru, Tuhan  
Yesus Kristus.



Dari Penganiaya Menjadi Pengkhotbah  
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,  
terdapat dalam  
Kisah Para Rasul 8 dan 9

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi  
terang, memberi pengertian kepada  
orang-orang bodoh." Mazmur 119:130







Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

